

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN ABDULLAH SANI  
BIN ABDUL HAMID [ KUALA LANGAT ]**

**TARIKH : 17 MEI 2016**

**SOALAN :**

**YB Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ] minta  
PERDANA MENTERI menyatakan jumlah 300 hari diperuntukkan kepada  
penjawat awam cuti bersalin akan dikaji semula.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Kerajaan telah memperuntukkan kemudahan Cuti Bersalin kepada penjawat awam wanita yang melahirkan anak dengan tempoh Cuti Bersalin adalah di antara minimum 60 hari hingga maksimum 90 hari bagi setiap kelahiran, terhadap kepada jumlah 300 hari sepanjang tempoh perkhidmatan. Selain itu, pegawai boleh menggunakan kemudahan cuti lain yang berkeelayakan seperti Cuti Rehat atau Cuti Menjaga Anak. Sehubungan itu, tidak ada keperluan buat masa ini untuk mengkaji semula cuti bersalin berkenaan.

Sekian, terima kasih.